



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
(Malaysian Agricultural Research and Development Institute)

IKLAN JAWATAN KOSONG

TARIKH BUKA IKLAN: 13 JUN 2022

MARDI sebuah Badan Berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Malaysia mempelawa warganegara Malaysia berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan berikut :-

JAWATAN 7 : OPERATOR LOJI GRED H11

Klasifikasi : Kemahiran (H)

Kumpulan : Pelaksana

Taraf Jawatan : Tetap/Kontrak (*Contract of Service*)

Penempatan : Selangor

Jadual Gaji : Gred H11

Gaji Minimum
RM1,218.00

Gaji Maksimum
RM2,939.00

1. Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(b) sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; dan

(c) berkebolehan mengendalikan Loji Pembakaran Dalam 40-100 Kuasa Kuda atau Loji Stim/Dandang yang luas permukaan pembakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred H11: RM1,264.15).

2. Syarat Kelayakan Bahasa Melayu : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 3. Ringkasan Tugas** : (a) Bertanggungjawab ke atas sistem dandang berdasarkan had/kapasiti yang dibenarkan termasuklah operasi servis dan selenggaraan berjadual.
- (b) Pematuhan berkaitan mesin/jentera/loji berdasarkan peruntukan Akta Kilang & Jentera 1967 dan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

CARA MEMOHON:

- i) Semua permohonan hendaklah dibuat secara atas talian melalui Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan) sepenuhnya dengan melayari <http://ejawatan.mardi.gov.my/>
- a. Mendaftar di Sistem Permohonan Jawatan MARDI (e-jawatan)**
b. Memohon jawatan yang berkaitan
- ii) Semua permohonan hendaklah diisi dengan lengkap disertakan salinan dokumen yang diperlukan berserta dengan gambar formal terkini dan berukuran passport (**Gambar swafoto/selfie tidak dibenarkan**). **Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.**
- iii) Permohonan yang lewat diterima dan tidak mematuhi syarat yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan. Manakala, calon yang berkelayakan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga.
- iv) Hanya calon yang layak selepas sesi tapisan sahaja yang akan dipanggil untuk ditemuduga dan permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

TARIKH TUTUP IKLAN : 3 JULAI 2022

Sebarang pertanyaan boleh menghubungi talian 03-8953 7043/7037